

## Gangguan Selingkuh dalam Kalangan Pekerja: Satu Cabaran Pelaksanaan Perundangan di Asean

*Infidelity Harassment among Employees: Law Enforcement Challenges in Asean*

HAERANI MUSTARI, ROHANI ABDUL RAHIM & FARHANA ABD SAMAD

### ABSTRAK

*Pekerja mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap negara dan masyarakat. Mereka di harapkan menyumbang tenaga dan kepakaran untuk memajukan negara dan perlu menjadi contoh dalam masyarakat untuk bertingkah laku baik, mempunyai kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang. Dalam konteks perkahwinan, Artikel 16, Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (resolution 34/180 of 18 December 1979) memperuntukkan (a) Wanita di berikan hak yang sama untuk memasuki perkahwinan (Artikel 16 (a)); bebas berkahwin dengan memberi kebebasan dan kerelaan sepenuh daripadanya (Artikel 16 (b)) dan (c) memiliki hak dan tanggungjawab yang sama semasa dalam perkahwinan dan penceraian. Dengan itu, setiap pasangan berkahwin berhak menikmati suatu kehidupan bekeluarga yang bahagia dan bebas daripada apa-apa gangguan yang boleh mengancam keluarganya. Selingkuh menurut pandangan orang awam adalah tingkah laku yang tidak jujur dalam menjalani kehidupan berkeluarga. Kajian menggunakan metodologi kajian kualitatif perundangan dan menganalisis secara diskriptif berdasarkan data yang di perolehi daripada sumber literatur dalam bidang kajian kekeluargaan, gender dan perundangan. Dalam konteks penulisan kertas kerja ini, tumpuan perbincangan kepada konteks perundangan Indonesia. Perlakuan selingkuh di tafsirkan dalam Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) sebagai satu kesalahan moral (jenayah kesusilaan) yang melanggar keamanan awam. Kertas kerja ini mengkaji antaranya (a) perspektif (pendefinisan) dan permasalahan selingkuh di Indonesia (b) pelbagai perundangan berkaitan anti-gangguan selingkuh dan aplikasi nya yang melibatkan pekerja awam; (c) permasalahan dalam penguatkuasaan perundangan berkaitan dan akhirnya, (d) mencadangkan penyelesaian kepada gangguan selingkuh di tempat kerja.*

*Kata kunci:* Perundangan; gangguan seligkuh; cabaran; pekerja; wanita

### ABSTRACT

*Employees have great responsibility towards their country and society. They were expected to contribute their resources and expertise to advance the nation and to be the example in society, to behave well, to obey the laws and regulations. In the context of marriage, Article 16, the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (resolution 34/180 of 18 December 1979) provides that (a) Women is given the same right to marry(Article 16 (a)); ) The same right to choose freely a spouse and to enter into marriage only with their free and full consent (Article 16 (b)); and have (c) The same rights and responsibilities during marriage and divorce. Therefore every married spouses have a right to enjoy a happy family life and free from any harassment that can threaten his or her family. Infidelity to the layman is a dishonest misconduct in a family life. The study uses legal qualitative research methodology and analyzes descriptively based on data obtained from literary sources in the field of family, gender and legal research. In this write-up, the focus of the discussions are within Indonesia legal context. The act of infidelity is interpreted in the Criminal Law (KUHP) as a moral offense that violates public security. This paper examines among others; (a) Anti-harassment for Infidelity issues and its definitional perspectives in Indonesia (b) Various existing anti-harassment for infidelity legal provisions and regulation, and its application to civil servant, (c)problems faced in enforcing the relevant law and regulations and, finally, (d) to suggest ways to resolve harassment because of infidelity at workplace.*

*Key Words:* Legislation; infidelity; harassment; challenges; civil servants; women

## PENDAHULUAN

*Perselingkuhan* yang di lakukan oleh perlakunya, (pasangan berkahwin-suami atau isteri) pada asasnya tidak di anggap sebagai sesuatu yang serius dan mempunyai kesan yang mendalam kepada keluarganya. Ini kerana pada andaianya seseorang itu bebas mencari kebahagiaan untuk dirinya dan pada saat berselingkuh tidak pernah meletakkan keluarga sebagai alasan untuk menolak perselingkuhan. Sikap mementingkan diri dan opportunistik memacu kemahuan (Ardisa 2014) untuk berselingkuh walaupun dalam keadaan tersembunyi dengan harapan ia boleh berpanjangan tanpa pengetahuan pasangan.

Perselingkuhan, walaupun hanya bermula dengan syak wasangka boleh membawa kepada akibat yang memusnahkan seperti perasaan cemburu yang timbul dalam diri lelaki dan wanita (Shackelford & Buss 1997). Buss dan Shackelford (1997) mengenal pasti tiga jenis kecurangan (perselingkuhan) iaitu yang bersifat seksual merujuk aktiviti fizikal dan seksual dengan orang lain yang bukan pasangannya), emosi (merujuk kepada sumber emosi (cinta, masa, perhatian) yang di arahkan kepada orang lain bukan pasangan hidup) dan kecurangan atas talian (merujuk kepada kedua-dua hubungan seksual secara virtual dan kedekatan emosi (Aviram & Amichai-Hamburger 2005; Tan Lin Jia, Hwong Kah Ing & Michelle Lee Chin Chin 2016).

Perlakuan selingkuh juga boleh bermula dengan hanya mencoba-coba berkawan dengan seseorang lain dengan harapan mendapat teman yang boleh meluangkan masa untuk mendengar masalah beliau dan mengharapkan simpati atau cobaan memikat hati seseorang dan seumpamanya. Namun, kemudian menjadi komited kepada hubungan yang terlarang.

Selingkuh menurut pandangan orang awam adalah tingkah laku yang tidak jujur dalam menjalani kehidupan berkeluarga. Ketidakjujuran yang dimaksudkan adalah melibatkan mereka yang sudah berkahwin dan mempunyai isteri atau suami yang sah, namun masih berhubungan dengan lelaki lain atau perempuan lain yang merupakan kekasihnya (Rima Safira 2014). Selingkuh juga boleh berlaku antara mereka yang tidak berkahwin tetapi yang komited kepada satu perhubungan dan berharap untuk membentuk satu rumahtangga. Namun begitu, kesan selingkuh ke atas perhubungan yang masih belum berkahwin (bernikah) kurang

serius kesannya berbanding jika ia melibatkan pasangan yang sudah sah berkahwin. Perhubungan yang terdahulu itu boleh terpisah sebaik merasakan hubungan itu menjadi terkecwa. Sebaliknya hubungan yang di ikat dengan satu perkahwinan yang sah boleh menghasilkan kesan dan akibat yang lebih buruk. Ia akan mengambil waktu yang agak panjang untuk mencari penyelesaian atau sangat cepat seperti berlakunya talaq secara serta merta sebaik selingkuh di ketahui oleh pasangan.

Perselingkuhan boleh mengganggu kebahagiaan dalam sesebuah rumahtangga. Perhubungan di luar batas ajaran Islam dalam kehidupan rumahtangga suami isteri yang bekerja menjadi salah satu penyebab perselingkuhan selain faktor kurangnya keimanan (Anu 2012). Pegawai Negeri Sipil (selepas ini disebut PNS) di lantik oleh pemerintah untuk menggalas tanggungjawab dan amanah bagi memberi tauladan yang baik kepada masyarakat awam. Mereka juga menjadi “aparatur negara, abdi negara dan abdi masyarakat” yang perlu bertingkah laku, bertindak dan taat kepada perundungan yang berkuatkuasa di samping mengurus soal rumahtangga sendiri. Sebuah perkahwinan adalah ikatan lahir batin membentuk keluarga yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa (Undang-Undang Nombor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan). Maka beristeri lebih dari seorang dan perceraian sejahtera mungkin perlu dihindarkan dalam kehidupan berkeluarga.

Pada tahun 2010, 60 peratus (48 orang) lelaki di Jakarta berselingkuh, dan dilakukan dengan PSK (pekerja seks komersial) dan 25 peratus melakukan hubungan seks di luar perkahwinan (*extramarital*) dengan teman sekerja yang sudah menikah (Sarwono 2013). Tahun 2011, peratusan perselingkuhan meningkat 65 peratus lelaki di Jakarta pernah berselingkuh, dan tahun 2012 perselingkuhan meningkat menjadi 70 peratus. Pada tahun 2013 perselingkuhan meningkat lagi ke 75 (Sarwono 2013). Perselingkuhan banyak dilakukan oleh semua lapisan masyarakat mulai rakyat biasa, kelas menengah, bahkan para eksekutif, ahli badan pembuat undang-undang dan kehakiman (Kurnia Muhammadiyah 2016) Dalam agama Islam perselingkuhan adalah suatu perbuatan yang dilarang kerana mengancam kepada perlakuan zina dan melanggar hukum agama, sebagaimana didalam surah al-Isra ayat (32) yang ertiannya; “Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk” (Al-Quran & Terjemahannya

1998). Seorang pakar psikologi berpendapat bahawa pengertian *perselingkuhan* di zaman sekarang tidak hanya dengan kerap bejumba atau bertemu muka. Ada pula yang berpendapat bahawa *selingkuh* boleh dilakukan melalui pelbagai media elektronik, seperti media sosial atau pelbagai aplikasi termasuk pesanan ringkas yang bersifat lebih peribadi (Intan Kemala Sari 2015). Dalam pelbagai kajian didapati ada kes selingkuh yang berlaku kerana bermula dengan berkenalan dalam *Facebook* atau *e-mel* atau laman sosial lain sehingga berakhir dengan zina (Stephani 2012) dan *perselingkuhan*.

Di Indonesia, terdapat beberapa perundungan yang terkait dengan cara penyelesaian terhadap perlanggaran perlakuan selingkuh termasuklah perlakuan terkait dengannya. Ini termasuklah, Undang-Undang Hak Asasi Manusia Nomor 39 Tahun 1999, Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan, KUH Pidana (seksyen 184, Kitab Undang-Undang Hukum Pidana), Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 23 Tahun 2004 tentang Penghapusan Kekerasan dalam Rumahtangga (KDRT), Undang-Undang Nomor 8 Tahun 1974 jo Undang-Undang Nomor 43 Tahun 1999 tentang pokok-pokok Kepegawaian (Pegawai Sipil Negeri), Kompilasi Hukum Islam dan Undang-Undang Republik Indonesia nombor 1 tahun 1970 (selepas ini disebut Undang-undang RI No.1/1970) tentang keselamatan kerja.

## PERSPEKTIF SELINGKUH DI INDONESIA

Dalam Bahasa Jawa, *selingkuh* bermakna tidak jujur, sembuni-semبunnyi, atau menyembunyikan sesuatu yang bukan haknya (Mediaumat 2011). *Selingkuh* dalam erti kata lain adalah: (1) Suka menyembunyikan sesuatu untuk kepentingan sendiri; tidak berterus terang; tidak jujur; curang; serong. (2) Suka menggelapkan wang; rasuah atau (3) Suka menyeleweng (Depdiknas 1994). Dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia, kata *selingkuh* merupakan kata yang berdiri sendiri, bukan dibentuk dari kata “lingkuh” yang diberi awalan “se”. Kata *selingkuh* memiliki dua erti, pertama, tidak berterus terang, tidak jujur, suka menyembunyikan sesuatu untuk kepentingan sendiri, curang dan serong (Asya 2002). Kedua, korup (menggelapkan wang) untuk kepentingan peribadi. Kalau di lihat pengertian *selingkuh* sesungguhnya bukan hanya yang mengarah urusan suami dan isteri sahaja. Tetapi *selingkuh* juga boleh bermakna lain

sebagai perlakuan yang tidak jujur bahkan ia boleh dikategorikan sebagai perbuatan yang mengarah kepada penyalahgunaan terhadap sesuatu yang diamanahkan dan bersifat sewenang-wenang. Pada tahun 1995 kata *selingkuh* semakin popular di Indonesia sehingga kata tersebut yang awalnya hanyalah bahasa daerah Jawa sahaja namun selepas itu kata selingkuh sudah meluas dan secara am menjadi bahasa Indonesia. Pada hari ini *selingkuh* mempunyai makna yang khas, merujuk kepada hubungan gelap (nusyuz) yang di lakukan oleh pihak isteri atau suami. Perlakuan tersebut jelas diharamkan menurut Agama Islam (Harijah 2009) dan boleh mengancam kehidupan umat Islam di Indonesia (Nazaruddin 2011). Selepas penerimaan masyarakat terhadap istilah dan fenomena selingkuh, kesan dan akibatnya kepada keruntuhan rumahtangga semakin mendapat perhatian (psychology4us 2016). Seperti di laporkan bahawa sebahagian besar penyebab krisis keluarga adalah perselingkuhan (Majalah Tazkiyah an-Nafs). Perlakuan tindak balas negatif terjadi antara pasangan berkahwin sehingga boleh berupa kegagalan mengawal emosi, boleh membangkitkan kemarahan melampau dan tekanan psikologi sehingga berlaku KDRT. Keganasan dalam rumah tangga sering melibatkan isteri (mangsa selingkuhan) dalam bentuk jenayah penganiayaan. Penganiayaan yang dialami oleh mangsa selingkuh (isteri) informan menyatakan bahawa ketika berlaku perselingkuhan kerap berlaku pengabaian tanggungjawab suami kepada isteri dan anak-anak.

Daleleer Kaur Randawar dan Sheela Jayabalan (2018) menjelaskan makna Keganasan Rumahtangga (KDRT) meliputi keganasan yang di lakukan antara pasangan yang rapat dan tinggal bersama atau pernah tinggal bersama. Ketidakseimbangan kuasa antara pasangan dikekalkan dengan corak penggunaan taktik kawalan secara paksaan yang di lakukan secara sebenar atau diancam secara fizikal, seksual psikologikal, ekonomi atau penganiayaan secara lisan yang meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan.

Akta Keganasan Rumahtangga, 1994 (Malaysia) memberikan tarikan terperinci berkaitan takrifan “Keganasan Rumahtangga” dalam Seksyen 2 dan di petik dengan jitu seperti berikut;

- a) *dishonestly misappropriating the victim's property which causes the victim to suffer distress due to financial loss;*
- b) *threatening the victim with intent to cause the victim to fear for his safety or the safety of his*

- property, to fear for the safety of a third person, or to suffer distress;*
- c) *(c) communicating with the victim, or communicating about the victim to a third person, with intent to insult the modesty of the victim through any means, electronic or otherwise;*
  - d) *(f) causing psychological abuse which includes emotional injury to the victim;*
  - e) *(g) causing the victim to suffer delusions by using any intoxicating substance or any other substance without the victim's consent or if the consent is given, the consent was unlawfully obtained; or*
  - f) *(h) in the case where the victim is a child, causing the victim to suffer delusions by using any intoxicating substance or any other substance".*

Menurut Schneider et al. (1999) hampir 60 peratus daripada informan yang ditipu mengalami masalah emosi dan kemurungan berikutan pendedahan perselingkuhan. Kesan negatif lain bukan sahaja melibatkan kerosakan kepada perkahwinan tetapi juga hubungan dengan anak-anak, ibu bapa, rakan sekerja, dan menghadapi tindakan undang-undang (Blow & Hartnett 2005). Menurut kajian 1983 di laporkan daripada 205 sampel individu bercerai, hampir separuh jumlah mengatakan masalah yang di hadapi dalam perkahwinan adalah berpunca daripada kecurangan pasangan mereka (Blow & Hartnett 2005).

Ada sepuluh pekerjaan yang dikatakan mempunyai potensi membawa kepada perlakuan *selingkuh*. Di antaranya adalah :

1. Pekerjaan PNS (*Pegawai Negeri Sipil*)
2. Pekerjaan Pengacara- yang sering di beritakan berselingkuh dengan klien.
3. Pekerjaan Atlit
4. Pekerjaan Pelakon
5. Pekerjaan Pejabat Negara
6. Pekerjaan Jurujual
7. Pekerjaan Usahawan
8. Pekerjaan Doktor
9. Pekerjaan Guru, dan
10. Pekerjaan sebagai pihak berkuasa. (Harian Tribun News Sumatera Selatan, 2016).

Menurut data daripada *Direktur Jenderal Pembinaan Peradilan Agama (PPA)* Mahkamah Agung Republik Indonesia, peratus perselingkuhan perempuan lebih kecil daripada pria. Namun menurut satu kajian

bahawa perselingkuhan dominan dilakukan pihak suami. "90 peratus perselingkuhan dilakukan oleh suami, para isteri hanya 10 peratus" (Majalah Tazkiyah an-Nafs). Sedangkan Amir Sjarifoedin Tjunti Agus, dalam bukunya "*Wanita-Wanita Selingkuh; Rumph Tetangga Terlihat lebih Hijau*", yang melakukan penelitian terhadap 100 "wanita peselingkuhan" usia 24-50 tahun, berdasarkan strata ekonomi, sosial, dan sebagainya, dengan latar belakang pendidikan (*SLTA sehingga S-2*). Di dapati, banyak wanita lebih memilih selingkuh daripada memperbaiki hubungan dengan suami termasuk mereka yang ada hubungan yang rapat dan pertalian persaudaraan.

## PERUNDANGAN DAN APLIKASI KEPADA PEKERJA AWAM

Indonesia adalah salah satu negara yang mengangkat Deklarasi Hak Asas Manusia Sejagat melalui *Undang-undang No.39 Tahun 1999*. Undang-undang ini memperuntukkan adanya pengakuan hak asas manusia sebagai hak yang secara kudrat melekat dan tidak terpisah daripada manusia yang harus dilindungi, dihormati, dan ditegakkan untuk memartabatkan nilai kemanusiaan, kesejahteraan, kebahagiaan, dan kecerdasan serta keadilan (*Fasal 2*). Komitmen untuk menjunjung tinggi dan melindungi hak setiap orang (wanita dan lelaki) secara jelas dinyatakan dalam Artikel 1:

"Semua orang dilahirkan merdeka dan mempunyai martabat dan hak-hak yang sama. Mereka dikurniai akal dan hati nurani dan kehendaknya bergaul satu sama lain dalam semangat persaudaraan."

Artikel 2: menyatakan deklarasi yang tidak membenarkan atau menolak diskriminasi, iaitu

"Setiap orang berhak atas semua hak dan kebebasan-kebebasan yang tercantum di dalam pernyataan ini dengan tidak ada pengecualian apapun seperti kebebasan ras, warna kulit, jenis kelamin, bahasa, agama, politik atau pandangan lain, asal-usul kebangsaan atau kemasyarakatan, hak ini milik kelahiran atau kedudukan lain. Selanjutnya, tidak akan diadakan pembezaan atas dasar kedudukan politik, undang-undang atau kedudukan antarabangsa dari negara atau daerah dari mana seseorang berasal, sama ada berasal dari negara yang merdeka, yang berbentuk wilayah-wilayah perwalian, jajahan, atau yang berada di bawah kedaulatan yang lain."

Undang-undang ini memperuntukkan bahawa penyeksaan merupakan pelanggaran terhadap hak asas manusia. Oleh itu, setiap orang diakui

sebagai manusia peribadi yang berhak menuntut dan memperoleh perlakuan serta perlindungan yang sama, memiliki hak untuk hidup tenteram, aman, damai, bahagia, sejahtera zahir dan batin, dan memiliki hak untuk bebas daripada penyecksaan, penghukuman atau perlakuan yang kejam, tidak manusiawi, merendahkan darjat dan martabat kemanusiaan. Undang-Undang Nomor 39 Tahun 1999 tentang HAM menyebut beberapa jenis hak yang sebahagian besarnya berkait rapat dengan hak manusia untuk hidup bebas dan untuk menikmati kehidupan yang aman dan bahagia selayak statusnya juga seperti status berkahwin, seorang isteri, suami dan anak-anak. Dalam konteks perlakuan perselingkuhan pula, oleh kerana bagi orang Islam, hukum kompilasi Islam dan undang-undang yang lebih umum wujud bagi mengawal sebuah perkahwinan yang di akad, maka sepatutnya gangguan seligkuh yang mengganggu sesebuah perkahwinan yang di sahkan oleh undang-undang negara, boleh di bawa ke muka pengadilan kerana telah melanggar satu komitmen yang telah disahkan oleh sebuah perundangan khusus bagi perkahwinan.

(a) *Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan.*

Undang-Undang ini menetapkan bahawa:

- 1) Perkahwinan ialah ikatan zahir batin antara seorang lelaki dengan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumahtangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa". Oleh itu, suami isteri perlu saling membantu dan melengkapi, agar masing-masing dapat mengembangkan keperibadian dalam membantu dan mencapai kesejahteraan rohaniah dan zahir (UU No 1 Tahun 1974 dan penjelasan).
- 2) Perkahwinan adalah sah apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya (Fasal 2 ayat (1) UU Nomor. 1 Tahun 1974).

Mengikut undang-undang, hak dan kedudukan isteri adalah sama rata dengan hak dan kedudukan suami dalam kehidupan rumah tangga dalam masyarakat (*Fasal 31 (1) UU No.1 Tahun 1974*). Dinyatakan, bahawa suami adalah ketua keluarga dan isteri merupakan ibu di rumah tangga (*Fasal 31 (3) UU No 1 Tahun 1974*). Suami isteri wajib saling menyayangi, hormat-menghormati, setia dan memberi sokongan zahir batin (*Fasal 33 UU No 1 Tahun 1974*). Undang-Undang memperuntukkan cerai secara *taklik* atau cerai bersyarat. Cerai taklik

berlaku apabila suami melafazkan talak tertakluk kepada sesuatu perkara yang jika berlaku, maka talak dijatuhkan (Amir 2009). Selain itu, undang-undang juga memperuntukkan cerai secara fasakh atau perceraian disebabkan berlakunya penganiayaan. Kedua-dua jenis perceraian ini boleh dituntut oleh pihak isteri.

(b) *Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP)*

Hakikat perselingkuhan boleh di katakan bahawasuami atau isteri yang melakukan sebuah *perselingkuhan*, sama juga maksudnya mereka mendekati zina. Ini kerana perzinaan termasuk perlanggaran undang-undang yang boleh diadukan, sebagaimana di peruntukan dalam KUHP Pidana Seksyen 184 ayat (2). Maka langkah-langkah yang dapat diambil adalah melakukan pengaduan, oleh suami atau isteri ke pihak berkuat kuasa dan ia akan di proses dan di selesaikan (Seksyen 284 KUHP Indonesia). Jika pegawai pemerintah yang termasuk dalam seksyen 27 BW, pengaduan tidak diambil tindakan selama perkahwinan masih wujud atau sebelum putusan yang menyatakan pisah meja dan tempat tidur menjadi tetap. Oleh itu, bagi pihak pelapor (mangsa) *perselingkuhan*, beliau boleh menarik balik laporan pengaduannya kepada pihak yang berkuasa jika tidak menghendaki adanya proses tindakan undang-undang bagi pihak suami atau isteri (pelaku) selama pemeriksaan dalam sidang mahkamah belum dimulai. Ini kerana selingkuh boleh melibatkan perzinaan yang boleh di ambil tindakan jika pihak-pihak yang mengalami kerugian (mangsa) atau kecederaan membuat aduan kepada pihak berkuatkuasa.

Dengan itu, dalam undang-undang khusus, *Kitab Undang-Undang Hukum Pidana*, Seksyen 284 KUHP dengan tegas memperuntukan bahawa;

"Di ancam dengan Pidana penjara paling lama sembilan bulan iaitu:

"1.a.seorang pria yang telah kawin yang melakukan mukah padahal diketahuinya bahwa Fasal 27 BW berlaku baginya,

b. Seorang wanita yang telah kahwin yang melakukan mukah (Overspel) padahal diketahuinya bahawa Fasal 27 BW berlaku baginya.

2.a.Seorang pria yang turut serta melakukan perbuatan itu,padahal diketahuinya bahawa yang turut bersalah telah kahwin,

b.Seorang wanita yang turut serta melakukan perbuatan itu, padahal diketahuinya bahawa yang turut bersalah telah kahwin dan Fasal 27 BW berlaku baginya."

Berikut dengan kes zina melibatkan perselingkuhan, Mahkamah Agung (MA) Republik Indonesia mengukuhkan lagi keputusannya dengan satu Surat Edaran Mahkamah Agung (SEMA) yang bernombor: 08 tahun 1980 pada nombor 5 bermaksud;

“Bawanya dalam hal seorang suami berzinah dengan seorang wanita yang berkahwin, sebagaimana kes dalam putusan MA tersebut ianya dapat dipersalahkan sebagai pelaku perzinaan sebagaimana yang dimaksudkan oleh fasal 284 (1)a KUHPidana.”

KUHP yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan melibatkan suami terhadap isteri seperti penganiayaan, *KUHP Fasal 351 hingga Fasal 356* diguna pakai walaupun terhad kepada penganiayaan fizikal sahaja. Kesalahan melibatkan penganiayaan suami terhadap isteri (bukan isteri terhadap suami), diberikan hukuman paling berat dengan hukuman mati bagi kes pembunuhan dengan sengaja dan dirancang terlebih dahulu. Hukuman tambahan satu pertiga dikenakan kepada pesalah yang melakukan penderaan terhadap ibu, bapa, isteri, ataupun anak. KUHP juga memperuntukkan seksyen yang melibatkan suami yang mengabaikan tanggungjawab terhadap isteri mereka. Keadaan yang sama dikenakan kepada orang-orang yang menurut undang-undang, wajib untuk memberi nafkah, rawatan dan penjagaan dengan hukuman hingga sembilan tahun apabila mengakibatkan kematian (Fasal 304, 306 (2)). Bagi penderaan, KUHP memperuntukkan hukuman sehingga sembilan tahun (Fasal 332 (2)) kerana menahan seseorang, atau secara salah mengakibatkan kematian orang lain boleh dihukum sehingga dua belas tahun (Fasal 333). Selain itu, penghinaan juga adalah sebahagian dari bentuk jenayah emosional yang diperuntukkan dalam KUHP dengan hukuman sehingga sembilan bulan atau denda paling banyak empat ribu limaratus rupiah (Fasal 310 hingga 321).

#### (c) Kompilasi Hukum Islam (KHI)

Kompilasi Hukum Islam (KHI) adalah sejumlah kompilasi hukum Islam yang ditulis fasal demi fasal, berjumlah 229 fasal, terdiri atas tiga kelompok bahan Undang-Undang, ia itu; Undang-Undang Perkawinan (170 fasal), Undang-Undang Kewarisan termasuk wasiat dan hibah (44 fasal) dan Undang-Undang Perwakafan (14 fasal), ditambah satu fasal ketentuan penutup yang berkuatkuasa untuk ketiga kelompok Undang-Undang tersebut.

Fasal 2 Kompilasi Undang-Undang Islam (KHI) memperuntukkan, “Perkahwinan menurut

Undang-undang Islam adalah pernikahan, iaitu akad yang sangat kuat atau (miitsaaqon qholiidhan) untuk menaati perintah Allah dan melaksanakannya merupakan ibadah”. Tujuan Perkahwinan menurut Undang-undang Islam ialah untuk memenuhi keperluan hidup jasmani dan rohani manusia, untuk membentuk keluarga dan memelihara serta meneruskan keturunan dalam menjalani hidupnya di dunia dan untuk mencegah perzinaan agar tercipta ketenangan dan ketenteraman keluarga dan masyarakat. Dalam konteks perseligkuhan yang membawa kepada penceraian, ini tidak menghapuskan tanggungjawab bapa (dari segi kewangan, pendidikan, keperluan asas, perubatan) kepada anak-anak, khususnya yang di bawah umur dewasa.

#### (d) Undang-Undang Rep. Indonesia No. 23 Tahun 2004 tentang Kekerasan Rumahtangga (KDRT)

Pada 18 Disember 1979, Majlis Umum PBB bersetuju mengadakan ketetapan bahawa dasarnya tidak bertentangan dengan Pancasila (Dasar Negara Republik Indonesia) dan Undang-Undang Dasar 1945 (disebut UUD 45). Keputusan Presiden Nombor 181 Tahun 1998 tentang Komisi Nasional Anti Keganasan Terhadap Wanita yang ditetapkan pada 9 Oktober 1998. Fasal 1 Keputusan Presiden tersebut dinyatakan dalam rangka pencegahan dan mengatasi masalah keganasan terhadap wanita serta penghapusan segala bentuk tindakan keganasan yang dilakukan terhadap wanita, dibentuk komisi yang bersifat nasional yang diberi nama Komisi Nasional Anti Keganasan Terhadap Wanita. Suruhanjaya ini mempunyai tujuan iaitu:

- i. Menyebarluaskan kefahaman berkaitan segala bentuk keganasan yang terjadi di Indonesia.
- ii. Mengambil langkah terhadap wanita di Indonesia.
- iii. Peningkatan usaha pencegahan dan mengatasi segala bentuk keganasan terhadap wanita serta perlindungan hak asasi wanita. Suruhanjaya hanya bersifat mengaturkan langkah pencegahan terhadap keganasan khusus kepada mangsa wanita, tetapi tidak secara tegas mencegah pelaku. Dengan itu perlindungan yang diberikan tidak kepada mangsa.

Pada tahun 2004, berdasarkan Dasar Negara Republik Indonesia iaitu Pancasila dan UUD 1945, Undang-undang No 23/2004 diluluskan. Fasal 28 G (1) UUD 1945 memperuntukkan:

“setiap orang berhak atas perlindungan diri atau peribadi, keluarga, kehormatan, martabat, dan harta harta benda yang di bawah kekuasaannya, serta berhak atas rasa aman dan perlindungan daripada ancaman ketakutan untuk berbuat atau tidak berbuat sesuatu yang merupakan hak asasi”.

Kemudian Fasal 28 H (2) memperuntukan:

“setiap orang berhak mendapat kemudahan dan perlakuan khusus untuk memperoleh kesempatan dan manfaat yang sama bagi mencapai persamaan dan keadilan”.

Kedua-dua fasal tersebut dengan jelas memberikan jaminan kepada setiap warganegara untuk merasa selamat dan bebas daripada segala bentuk keganasan. Polis diberi kuasa untuk mencegah dan mangsa diberi ruang mendapatkan keadilan. Keganasan rumah tangga yang awalnya menjadi urusan peribadi, kini menjadi kes jenayah apabila ia menjadi urusan awam. Tujuan Undang-undang N0. 23/ 2004 adalah untuk mencegah, melindungi mangsa dan mengambil tindakan ke atas pelaku. Oleh itu diperlukan undang-undang khusus walaupun perkara ini telah ditetapkan dalam UUD 45 dan Kanun Acara Jenayah atau Kitab Undang-undang Hukum Acara Pidana (selepas ini disebut KUHAP) seperti: penganiayaan, kesusilaan, pengabaian terhadap orang yang perlu diberi nafkah dan kehidupan, serta penghinaan. Sementara itu, peraturan perundungan lain yang berhubung kait dengan akta keganasan rumah tangga Indonesia adalah seperti Undang-undang RI N0. 1/1974, Akta Pengesahan Konvensyen mengenai Penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita dan Undang-undang Hak Asas Manusia Indonesia Nombor 39 tahun 1999 (selepas ini disebut Undang-undang RI N0.39/1999).

(e) Undang-Undang Republik Indonesia nombor 1 tahun 1970 (UU RI No.1/1970) tentang keselamatan kerja.

Undang Undang Nombor 23 Tahun 1992 tentang kesihatan, di bentuk berdasarkan Undang-undang RI No.1/1970. Kesihatan pekerja perlu dilindungi agar setiap pekerja dapat bekerja dengan baik. Demi meningkatkan produktiviti pekerjaan, wajib memenuhi syarat keselamatan dan kesihatan. Jika persyaratan tersebut tidak dipenuhi maka terjadi risiko pekerjaan, gangguan kesihatan, penyakit dan kemalangan kerja. Pekerja yang mengalami masalah rumah tangga tentu akan menghalang produktiviti maksimum dan menimbulkan kemalangan kerja di tempat kerja. Ini boleh terjadi bukan hanya kepada diri sendiri tetapi juga kepada rakan sekerja

serta kawasan persekitar tempat kerja. Oleh itu pemerintah menetapkan satu perundungan yang khusus dan perlu di patuhi oleh sektor pekerjaan seperti ditetapkan dalam *Peraturan Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi Republik Indonesia Nombor 3 Tahun 1978 tentang penunjukan dan Wewenang Serta Kewajiban Pegawai Pengawas Keselamatan dan Kesehatan Kerja dan Ahli Keselamatan Kerja*.

(f) Undang-Undang Gangguan (*Harassment Law*) Undang-undang gangguan mempunyai maksud yang meluas. Ada gangguan yang bersifat awam dan ada pula bersifat khusus (peribadi). Selagi ada orang merasa dirinya terancam dan tidak menyukai (*unwelcome*) atau tidak merelakan dengan sesuatu perlakuan yang mengganggu keselamatan dirinya, dan persekitaran kedudukannya, ini boleh di anggap suatu gangguan. Perkara ini boleh juga berlaku apabila perlakuan berkenaan bersifat seksual yang tidak diingini dan merangkumi gangguan secara lisan, visual, psikologi atau fizikal. Gangguan boleh di anggap serangan secara terbuka atau senyap, mengugut atau di paksa bekerja dalam persekitaran kerja yang hostil. Kedua-dua lelaki dan wanita adalah mangsa dan pelaku. Dengan itu, gangguan selingkuh boleh dikatakan sebagai gangguan seksual pasangan selingkuh ke atas mangsa yang sama jantina atau berbeza jantina (misalnya rakan sekerja). Situasi ini juga boleh di kaitkan dengan scenario ancaman merampas atau merampas suami atau isteri pasangan berkahwin.

Sebagai contoh salah seorang pelaku selingkuh mungkin bekerja di pejabat pemerintah (PNS). Beliau terikat dengan Peraturan Kepegawaian Sipil (PNS) yang tidak boleh mempunyai hubungan lain daripada perkahwinan sedia ada. Dengan itu, isteri atau suami PNS boleh merasa di ganggu secara umum oleh pasangan selingkuh termasuk suami atau isteri tersebut. Dengan itu, mangsa di bolehkan membuat surat aduan ke atas pasangan berkahwin mereka kecuali pasangannya telah mendapatkan kebenaran daripada Pegawai atasannya.

Dalam senario lain pula, kedua-dua pihak pasangan selingkuh mungkin bekerja di tempat kerja yang sama. Situasi ini ada kemungkinan menyebabkan tempat kerja menjadi hostil (gusar) kesan daripada perselingkuhan yang di pamerkan semasa di tempat kerja. Gangguan seksual tidak timbul antara pasangan selingkuh kerana mereka merelakan hubungan (*consensual relationship*) yang bersifat seksual tersebut. Namun pihak yang

merasa terganggu adalah mereka yang terpaksa melihat adegan-adegan (fizikal, lisan, bahasa badan bersifat seksual) yang menunjukkan perlakuan seksual sehingga mereka merasa terganggu kerana tidak mahu melihat keadaan itu dalam tempoh

mereka bekerja. Banyak jenis dan sifat gangguan yang di alami oleh mangsa (rakan sekerja) dalam konteks gangguan selingkuh. Ini dapat di lihat dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Jenis dan Sifat Gangguan Seksual kepada Mangsa

Jenis Gangguan Seksual	Sifat Gangguan ke atas Mangsa
Fizikal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hilang kepercayaan di dalam persekitaran kerja</li> <li>• Tekanan yang teruk</li> <li>• Hilang daya keyakinan dan kepercayaan diri</li> <li>• Sukar untuk memberi tumpuan</li> <li>• Malu dan rasa bersalah</li> <li>• Berfikir untuk membunuh diri</li> <li>• Ucapan menyakitkan hati atau berbau lucah</li> </ul>
Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menatap dan menjerling secara tidak senonoh</li> <li>• Mengajak untuk mengadakan hubungan intim dan keluar bersama</li> <li>• Mengulangi ajakan untuk keluar dating</li> <li>• Mengugut seseorang apabila gangguan seksual ditolak</li> <li>• Prestasi kerja menurun</li> </ul>
Psikologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidakhadiran ke tempat kerja meningkat</li> <li>• Mengambil banyak cuti sakit</li> <li>• Tindakbalas daripada penganggu dan rakan sekerja</li> <li>• Dimalukan secara permerhatian dan umpanan rakan sekerja</li> <li>• Kehilangan kerjaya dan pendapatan</li> </ul>
Gerakan Isyarat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gerak isyarat yang menghina dan ekspresi muka yang bersifat seksual</li> <li>• Menunjukkan bahan-bahan lucah</li> </ul>
Pameran dan Menunjukkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempamer gambar berunsur seksual di mana-mana di tempat kerja, termasuk komputer, alat multi media, Telefon Pintar atau dalam mana-mana Web site, Khidmat Pesanan Ringkas, Face Book dan dalam mana-mana Aplikasi.</li> </ul>

Sumber: WCC, Gangguan Seksual, 2017 <http://wccpenang.org/gangguan-seksual/>

Indonesia mempunyai peraturan Undang-Undang yang mengatur perihal masalah pelecehan seksual di tempat kerja secara umum. Namun, tidak ada ketentuan yang secara spesifik mengatur mengenai bentuk-bentuk gangguan seksual, sanksi mahupun cara untuk menangani gangguan seksual khususnya di tempat kerja. Dalam UU No. 13/2003 tentang Ketenagakerjaan, menyediakan perlindungan bagi tenaga kerja iaitu; dalam Pasal 86 ayat (1) yang kandungannya adalah :

“Setiap buruh mempunyai hak untuk memperoleh perlindungan atas (a) keselamatan dan kesehatan; (b) moral dan kesusaiaan; dan (c) perlakuan yang sesuai dengan harkat dan martabat manusia serta nilai-nilai agama.”

Kitab Undang-Undang Hukum Pidana (KUHP) secara umum (Lex Generalis) juga dapat dijadikan landasan dengan ancaman hukuman seperti yang peruntukan dalam Pasal pencabulan 289-299. Mengenai perbuatan cabul di tempat kerja, terutama

bila dilakukan oleh pihak superior terdapat dalam Pasal 294 ayat 2 angka 1 KUHP iaitu, boleh di kenakan hukuman penjara sehingga 7 (tujuh) tahun oleh majikan (pejabat) yang melakukan perbuatan cabul dengan orang bawahannya, atau dengan orang yang bawah penjagaannya, dipercayakan atau diserahkan kepadanya.

## PERATURAN KERJA AWAM

Pemerintah Republik Indonesia mengeluarkan satu Peraturan Pemerintah Nomor 45 Tahun 1990 atas semakan Peraturan Pemerintah Nombo 10 Tahun 1983 Tentang Izin Perkahwinan dan Perceraian bagi Pegawai Negeri Sipil.

Fasal 4 (1) memperuntukan bahawa;

“Bahawa Pegawai Negeri Sipil lelaki yang akan beristeri lebih daripada seorang, wajib memperoleh izin lebih dahulu daripada penguatkuasa.”

Fasal 4 (2) memperuntukan bahawa;

“Bahawa Pegawai Negeri Sipil wanita tidak diizinkan untuk menjadi isteri kedua, ketiga, keempat.”

Oleh itu, sebagai *Pegawai Negeri Sipil* seseorang tidak boleh dengan sewenang-wenang melakukan perkahwinan, sama ada sebagai pegawai lelaki ataupun wanita. Jika perkara ini dilanggar maka akandikenakan hukuman. Sebagaimana yang tetapkan dalam Fasal 6 (1) yang memperuntukkan:

“Bahawa penguatkuasa yang menerima izin untuk melakukan permintaan perceraian sebagaimana dimaksud dalam fasal 4 wajib baginya memperhatikan dengan seksama alasan-alasan yang dikemukakan dalam surat permintaan izin dengan pertimbangan daripada penguatkuasa atasan Pegawai Negeri Sipil yang bersangkutan.”

Sebaliknya pada Fasal 6 (2) memperuntukkan,

“Bahawa apabila alasan dan syarat yang dikemukakan dalam permintaan izin tersebut kurang meyakinkan, maka penguatkuasa harus meminta keterangan tambahan daripada isteri/suami PNS yang mengajukan permintaan izin atau daripada pihak lain yang dipandang dapat memberikan keterangan yang meyakinkan.”

Selanjutnya dalam Fasal 6 (3) memperuntukkan,

“Bahawa sebelum mengambil keputusan, penguatkuasa berusaha lebih dahulu merukunkan kembali suami isteri yang bersangkutan dengan cara memanggil mereka secara langsung untuk diberi nasihat.”

Manakala yang berhubungkait dengan *perselingkuhan* atau hidup bersama tanpaikatan perkahwinan yang sah juga sudah diatur dalam perundanganini, khususnya dalam Fasal 14 memperuntukan;

“Bahawa pegawai negeri sipil dilarang hidup bersama dengan wanita yang bukan isterinya atau dengan lelaki lain yang bukan suaminya sebagai suami isteri tanpa ikatan perkahwinan yang sah”.

*Pegawai Negeri Sipil* yang melanggar aturan peraturan perundanganakan dikenakan hukuman sebagaimana yang diatur dalam *Peraturan Pemerintah Nombor 45 Tahun 1990*.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, perselingkuhan yang kerap berlaku dalam masyarakat ASEAN, baik yang dilakukan oleh suami ataupun isteri boleh merupakan salah satu perlakuan yang melanggar Undang-undang yang berkuatkuasa. Pelaku *selingkuh* boleh jadi

seorang pekerja ataupun masyarakat awam yang terikat dengan liabiliti perundangan apabila di sabit menurut undang-undang. Perundangan yang melindungi mangsa pula boleh bersifat administratif, pencegahan jenayah, dan boleh bersifat tuntutan sivil dalam perkara yang memerlukan penyelesaian secara sivil termasuk yang bersifat ganti rugi (bagi kerosakan), pampasan (bagi kecederaan) dan perlindungan daripada agensi-agensi pemerintah. Oleh itu, di samping kesan dan akibat yang buruk di alami mangsa, perselingkuhan boleh juga memberi kesan dan akibat yang bukan sedikit kepada pelaku. Ini kerana pelaku terpaksa berhadapan dengan pelbagai peraturan dan perundangan, khususnya bagi seorang pekerja awam. Kewangan yang kukuh, kuasa yang besar dan pangkat yang di miliki serta penampilan yang bagus, mendedahkan seseorang pekerja awam kepada selingkuh tetapi hakikatnya hubungan selingkuh hanya bersifat sementara dan ada kemungkinan besar, ia berakhir sebaik kewujudannya di ketahui. Hakikatnya juga, komitmen bagi sesuatu perkara yang tidak pasti seperti *selingkuh*, sepatutnya di elakkan apa lagi jika ia boleh mencemar maruah pelaku dan tempat kerja mereka.

## RUJUKAN

- Amir Syarifuddin. 2009. *Hukum perkahwinan Islam di Indonesia*. Jakarta: Kharisma Putra Utama
- Anu al-Gifari. 2012. *Selingkuh Nikmat yang Terlaknat*. Bandung: Mujahid
- Ardisa Lestari, Selingkuh, Berbagai Gangguan Seksual Muncul; <https://www.vemale.com/to-pik/cinta-dan-seks/72049-selingkuh-berbagai-gangguan-seksual-muncul.html>. Diakses pada: 18 Ogos 2017.
- Asya. 2002. Selingkuh, <http://psychology4us.blogspot.my/2006/12/selingkuh.html/>. Diakses pada: 28 March 2016.
- Aviram, I. & Amichai-Hamburger, Y. 2005. Online infidelity: aspects of dyadic satisfaction, self-disclosure and narcissism. *Journal of Computer Mediated Communication* 10(3): 271-280.
- Blow, A. J., dan Hartnett, K. 2007. Infidelity in committed relationships ii: A substantive review. *Journal of Marital and Family Therapy* 31(2): 217-233
- Buss, D. M. & Shackelford, T. K. 1997. Susceptibility to infidelity in the first year of marriage. *Journal of Research in Personality* (31): 193- 221.
- Daleleer Kaur Randawar dan Sheela Jayabalan 2018. The definition of domestic violence in Malaysia: A Cross-national comparison. *Akademika* 88(3): 77-89.
- Depdiknas, Tim Penyusun Kamus Bahasa Indonesia .1994. Kamus Besar Bahasa Indonesia, edisi kedua,Departemen Pendidikan Dan kebudayaan, Jakarta.

- Harian Tribun News Sumatera Selatan.* 2016. Sepuluh profesi yang rawan selingkuh: <http://sumsel.tribunnews.com/2016/10/20/10-profesi-ini-rawan-perselingkuhan>. Diakses pada: 23 Agustus 2017.
- Harijah Damis. 2009. Meredam prahara melawan perceraian, Jakarta, Mt Al-Itkom. Herien Puspitawati, Fungsi keluarga, Pembagian Peran dan Kemitraan Gender Dalam Keluarga, Departemen Ilmu Keluarga dan Konsumen, Institut Pertanian Bogor, 2013. Diakses pada: 14 February 2016.
- Intan Kemala Sari, definisi selingkuh di era sekarang, tidak selalu dalam bentuk fisik (ahli psikolog Anna Surti Ariani), <http://wolipop.detik.com/read/2015/07/31/102054/2979792/852/definisi-selingkuh-di-era-sekarang-tidak-selalu-dalam-bentuk-fisik>. Diakses pada: 15 Julai 2016.
- Kitab Undang-Undang Hukum pidana Indonesia; <http://wew.cs.ui.ac.id/repository/dokumen/lihat/10554.pdf>. Diakses pada: 15 Julai 2016.
- Kurnia Muhajarah. 2016. Perselingkuhan suami terhadap isteri dan upaya penanganannya. Universitas Islam Negeri (UIN) Walisongo Semarang.
- Majalah Tazkiyahan-Nafs, Keluarga runtuh, <https://majalahqalam.wordpress.com/keluarga/selingkuh-keluarga-runtuh/>. Diakses pada: 20 June 2017.
- Mediaumat. 2011. Selingkuh mengancam keluarga muslim, 02 April 2011, <http://www.mediaumat.com/Muslimah/2597-51-selingkuh-mengancam-keluarga-muslim.html>. Retrieved on: 25 July 2017.
- Nazaruddin Umar. 2011. Selingkuh mengancam keluarga muslim, 02 April 2011, <http://www.mediaumat.com/muslimah/2597-51-selingkuh-mengancam-keluarga-muslim.html>. Diakses pada: 25 July 2016.
- Peraturan Pemerintah RI No 45 Tahun 1990 Tentang izin perkawinan dan perceraian bagi Pegawai Negeri Sipil; [http://sdm.ugm.ac.id/web/sk/1990\\_PP-45-TH-1990\\_PERUBAHAN-PP-10-1983-IZIN-PERKAWINAN-DAN-PERCERAIAN-BAGI-PNS.pdf](http://sdm.ugm.ac.id/web/sk/1990_PP-45-TH-1990_PERUBAHAN-PP-10-1983-IZIN-PERKAWINAN-DAN-PERCERAIAN-BAGI-PNS.pdf). Diakses pada: 25 July 2016.
- Rima safira perselingkuhan melalui facebook dan sms penyebab perceraian (Studi Pada Pengadilan Agama Jakarta Selatan), Akhwal Syakhsiyah (Hukum Keluarga Islam) Skripsi 2014. Fakultas Syariah dan Hukum; <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/30746>. Retrieved on: 25 July 2016.
- Schneider, J. P.; Irons, R. R.; dan Corley, M. D. 1999. Disclosure of extramarital sexual activities by sexually exploitative professionals and other persons with addictive or compulsive sexual disorders. *Journal of Sex Education and Therapy* 24 (4): 277–288.
- Shackelford, T.K., & Buss, D.M. 1997. Cuesto infidelity. *Personality and Social Psychology Bulletin* 23(10): 034-1045.
- Stephani Martha Manik. 2012. Program intervensi dengan strategi integrative forgiveness untuk mengurangi tingkat distress pada isteri dengan suami yang berselingkuh, Tesis Fakultas Psikologi UI.
- Tan Lin Jia, Hwong Kah Ing & Michelle Lee Chin Chin. 2016. A review of personality factors on infidelity. *Jurnal Psikologi Malaysia* 30(1): 126-141.
- Undang-Undang Nombor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan; [http://repo.Unand.ac.id/2798/1/1974\\_UU-1-TAHUN-1974\\_PERKAWINAN.Pdf](http://repo.Unand.ac.id/2798/1/1974_UU-1-TAHUN-1974_PERKAWINAN.Pdf). Diakses pada: 25 July 2016.
- Haerani Mustari (corresponding author)  
 Fakulti Undang-Undang  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
 Malaysia.  
 Email: haeraniarham@gmail.com
- Rohani Abdul Rahim  
 Pusat Undang-Undang Antarabangsa dan Siyar  
 Fakulti Undang-Undang  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
 Malaysia.  
 Email: rar@ukm.edu.my
- Farhana Abd Samad  
 Fakulti Undang-Undang  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
 Malaysia.  
 Email: ana.farhana2291@gmail.com

Received: 10 April 2018

Accepted: 10 June 2019